# ABSTRAK


Ali Badron bin Mokhtar: Pemikiran Ekonomi al-Imām al-Ghazālī dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*.

Kajian ini berkisar di sekitar perkembangan pemikiran ekonomi Islam dengan mengkhususkan kajian kepada sumbangan yang dilakukan oleh al-Imām al-Ghazālī. Dalam hal ini penulis cuba mengkaji pemikiran tersebut berasaskan kepada kajian teks iaitu dengan mengkaji secara terperinci di dalam kitab *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* karangan al-Imām al-Ghazālī.

Bagi menjelaskan perkara tersebut, latarbelakang tokoh ini daripada pelbagai sudut akan dijelaskan terlebih dahulu kerana ia banyak mempengaruhi corak pemikiran serta prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh beliau. Justeru penerangan tentang latarbelakang al-Imām al-Ghazālī ini dikemukakan dalam bab satu. Konsep Ekonomi Islam diterangkan dalam bab kedua sebagai landasan teori bagi kajian ini. Bab ketiga dan empat akan ditumpukan kepada kajian tentang kitab *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* dengan menganalisis dari segi kandungannya terutama yang berkaitan dengan aspek ekonomi. Analisis pemikiran ekonomi al-Imam al-Ghazali turut dimuatkan dalam bab empat.

Andaian kajian ini ialah al-Imām al-Ghazālī telah memberi sumbangan yang besar dalam pembentukan āsas ekonomi Islam terutamanya bagi Mazhab al-Shāfi`ī sebagaimana yang dikemukakan oleh beliau dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*.

# ABSTRACT

Ali Badron bin Mokhtar: Economic Thought of al-Imām al-Ghazālī in *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn.*

The Study revolves around the development of Islamic economic thinking. The study specializes in the contribution of al-Imām al-Ghazālī. In this matter, the writer tries to study the above thought based on text studies. This is done studying thoroughly the *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn,* a book which is written by al-Imām al-Ghazālī.

To clarify the above matter, the background of the figure will be firstly reviewed from different angles. This is because, it gives a lot of influences on the pattern of thought and its principles which are forwarded by him. For this reason, the explanation of the background of al-Imām al-Ghazālī is done in the first chapter. Islamic economic concept is explained in the second chapter as a foundation of the theory for this study. The third and fourth chapters will focus on the study of the book *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* by surveying the contents especially to those which are related to the economic aspects. The analysis of the economic thought of al-Imam al-Ghazālī is written in chapter four.

The assumption of this study is al-Imām al-Ghazālī has made an immense contribution in the development of the foundation of Islamic economy espacially for Mazhab al-Shāfi`ī as told by him in *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn.*